Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 5(2): 65-71 (1997) ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif

MAROHAINI YUSOFF dan ZULKIFLI A. MANAF
Jabatan Pendidikan Bahasa
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Kata kunci: penilaian kualitatif, pengajaran kemahiran karangan Bahasa Melayu, pendidikan guru Bahasa Melayu

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan dapatan satu kajian kes tentang bentuk pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu kepada pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Selangor. Pencerapan ini dilakukan dalam dua semester pengajian di sekolah tersebut. Dalam kajian ini, bentuk pengajaran dua guru di Tingkatan Empat telah dilihat. Dapatan pencerapan ini menunjukkan bahawa penumpuan guru lebih diberikan terhadap 'hasil karangan' daripada proses mengarang itu sendiri. Hal ini ditunjukkan oleh bentuk pengajaran guru yang linear dan pendekatan pengajaran yang menekankan aspek input isi daripada strategi mengarang. Bentuk pengajaran ini lebih berorientasi untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan bukan kepada latihan mempertingkat kemahiran mengarang di kalangan pelajar. Bentuk pengajaran ini membawa implikasi terhadap perancangan dan penyediaan bakal guru di maktab perguruan dan universiti.

ABSTRACT

This article discusses the findings of a case study regarding the teaching of Malay language writing skills to Form Four students in a secondary school in Selangor. The observations were made over a period of two school semesters. In this study, the delivery method of two Form Four teachers was observed. Results of the study indicate that the teachers stressed the product of writing rather than the writing process itself. The linear form of instruction activities as well as the instructional approach evidenced this orientation. Furthermore, in these activities the teachers put greater emphasis on the input instead of the writing strategies. The findings of this study suggest that the writing instruction observed is examination oriented i.e. to prepare students for the examination rather than providing them with relevant exercises to upgrade the students' writing skills. This style of instruction has implications towards the planning of teacher education programmes for pre-service teachers in the teacher training colleges and universities.

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, aliran penggunaan kaedah penyelidikan dalam pendidikan memperlihatkan perubahan daripada penyelidikan yang berbentuk kuantitatif kepada bentuk kualitatif. Seiring dengan perubahan tersebut, perubahan kaedah penyelidikan dalam bidang kemahiran mengarang juga berlaku (Yap 1991; Narayanan 1991). Dalam kebanyakan penyelidikan terhadap kemahiran mengarang, kaedah kajian kes secara kualitatif banyak dijalankan (Lee 1989; Koh 1993; Jasbir 1994). Hal ini demikian kerana sifat proses mengarang yang kompleks yang didapati sukar untuk ditangani dengan prosedur statistik semata-mata. Selain itu, penyelidikan kualitatif juga, mampu memberi pemahaman yang holistik dan mendalam tentang sesuatu masalah yang dikaji dari perspektif *emic* (Lincoln and Guba 1985). Justeru, dapatan yang diperoleh lebih realistik dan bermakna untuk kegunaan pihak yang berkenaan, khususnya para guru (Graves 1981).

Artikel ini akan membentangkan kajian kes tentang bentuk pengajaran dua guru di sebuah sekolah menengah di Selangor yang dijalankan secara kualitatif. Penelitian terhadap bentuk

pengajaran kemahiran mengarang mungkin akan dapat membekalkan cara-cara untuk mempertingkat mutu pengajaran guru di sekolah. Kemungkinan untuk memperbaiki dan mempertingkat mutu pengajaran karangan hanya boleh dicadangkan dengan mengkaji bentuk pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Seterusnya, latar belakang kajian akan dibentangkan bagi memberi gambaran ringkas tentang masalah kajian ini.

Latar Belakang Kajian

Kepentingan kemahiran mengarang bukan sahaja untuk tujuan akademik seperti menjawab soalan peperiksaan, menulis laporan, dan tugasan tetapi juga untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan seharian dan profesional di tempat kerja. Dalam usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri, guna tenaga mahir amat diperlukan. Penggunaan tenaga mahir ini bukan sahaja dalam konteks sains dan teknologi tetapi juga kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis. Dengan hal yang demikian, pelajar sekolah masa kini, harus diberi latihan yang membolehkan mereka mempelajari dan menggunakan kemahiran tersebut sejak awal lagi. Justeru, bentuk pengajaran yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar kemahiran mengarang dapat diajar dengan lebih berkesan kepada pelajar di sekolah.

Di Amerika Syarikat, teori dan amalan pengajaran kemahiran mengarang telah mengalami perubahan dalam tempoh 25 tahun yang lalu. Ekoran daripada dapatan kajian tentang proses mengarang pelajar yang berbentuk rekursif (Emig 1971; Mischel 1974; Stallard 1974) dan bukan linear (Rohman and Wlecke 1964), pendekatan pengajaran juga turut berubah. Peralihan pendekatan pengajaran kemahiran mengarang berlaku iaitu dari yang berfokuskan hasil karangan kepada proses mengarang. Sejak kajian Emig (1971), proses mengarang tidak dilihat sebagai satu proses yang statik dan bergerak dalam bentuk berurutan; langkah demi langkah. Sebaliknya, proses mengarang merupakan satu proses yang dinamik yang memperlihatkan pergerakan berulangan dan bertindanan antara satu proses dengan satu proses yang lain (Flower and Hayes 1980, 1981). Ekoran dari dapatan itu juga, pengajaran kemahiran mengarang disyorkan supaya memberi tumpuan yang lebih kepada proses yang perlu dilalui semasa mengarang dan bukan kepada hasil karangan semata-mata. Dalam pengajaran kemahiran mengarang, proses mengarang yang melibatkan penggunaan strategi dan teknik mengarang menjadi tumpuan guru. Ini menunjukkan kepentingan penyelarasan bentuk pengajaran guru dengan bentuk proses mengarang di kalangan pelajar.

Dalam kajian ini, penelitian dibuat terhadap bentuk pengajaran dua guru di Tingkatan Empat untuk memastikan bentuk pengajaran guru selaras dengan bentuk proses mengarang penulis. Bagi tujuan pengutipan dan pengumpulan, dan penganalisisan data, kaedah penyelidikan yang berikut dijalankan.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada dua guru yang mengajar di sebuah sekolah menengah di Selangor. Kedua-dua guru tersebut merupakan guru yang berpengalaman dalam pengajaran kemahiran Bahasa Melayu. Kedua-dua guru merupakan graduan ijazah sarjana muda dan memiliki diploma ikhtisas dalam pendidikan dari universiti dan maktab perguruan tempatan. Pada masa kajian dijalankan, kedua-dua guru tersebut mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kaedah dan Teknik Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Untuk tujuan tersebut, tiga teknik utama digunakan, iaitu pemerhatian kelas, temu bual, dan bukti dokumen (Spradley 1980; Bogdan and Biklen 1982; Merriam 1988). Penggunaan pelbagai teknik pengutipan data tersebut dapat memberi triangulasi atau pengukuhan antara teknik-teknik yang digunakan (Van Maanen 1983; Norrizan 1992; Razali 1994) pada sepanjang tempoh pelaksanaan kajian. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Van Maanen (1983: 136) tiga teknik tersebut dapat digunakan sebagai "...a vehicle for cross validation...".

Bagi mendapatkan gambaran kegiatan pengajaran guru di dalam kelas, pemerhatian kelas dilakukan sebanyak 46 kali dalam tempoh satu tahun masa persekolahan. Pemerhatian kelas tersebut dilakukan terhadap empat buah kelas di Tingkatan Empat yang memakan masa selama 60-75 minit bagi setiap pemerhatian.

Dalam pemerhatian kelas tersebut, penyelidik bertindak sebagai pemerhati tanpa penglibatan diri dalam pengajaran guru. Pemerhatian dibuat berdasarkan peringkat penulisan karangan, iaitu: (a) sebelum menulis karangan, (b) semasa menulis karangan, dan (c) selepas menulis karangan. Dalam masa pemerhatian kelas, tema yang berikut menjadi garis panduan pemerhatian: (a) kegiatan yang dijalankan di dalam kelas, (b) tempoh masa, dan (c) orang-orang yang terlibat dalam kegiatan yang berlaku.

Bagi membantu penyelidik membuat pemerhatian kelas, rakaman video dan catatan lapangan dibuat. Selain itu, teknik temu bual digunakan bagi memperkukuh dan memperlengkap data yang diperoleh daripada pemerhatian kelas. Dalam usaha memperkukuh dan memperlengkap data, temu bual bukan sahaja dijalankan dengan peserta kajian tetapi juga meliputi beberapa pelajar yang terlibat dalam pengajaran dua guru yang merupakan dua peserta kajian utama dalam kajian ini. Bentuk temu bual yang dijalankan ialah bentuk tidak formal (Spradley 1980) dan lebih menyerupai "conversation interview" (Patton 1980) atau "conversation with a purpose" (Marshall and Rossman 1989). Temu bual yang dijalankan juga adalah tidak distrukturkan. Penyusunan soalan dan cara soalan dikemukakan tidak diatur terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, tajuk soalan temu bual berkisar di sekitar aspek umum seperti (a) latar belakang guru, pendidikan, pengalaman, dan keluarga, dan (b) persepsi guru terhadap pelajar, pengajaran, pendekatan, dan falsafah pengajaran kemahiran mengarang.

Teknik pengutipan dan pengumpulan data ketiga merupakan bukti dokumen. Bukti dokumen diperlukan untuk membuat penilaian dan memberi bukti dengan memperlengkap bukti daripada sumber lain. Dalam kajian ini dokumen bertulis seperti maklumat latar tentang sekolah, majalah tahunan, rekod guru, dan murid ditelitikan. Selain itu, rangka dan draf karangan pelajar juga dikutip untuk membandingkan dan memperkukuh data yang diperoleh daripada teknik lain. Dalam kajian ini, analisis data dijalankan pada dua peringkat, iaitu semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data. Untuk tujuan menganalisis data, teknik yang disyorkan oleh Miles dan Huberman (1984) digunakan.

Yang berikutnya, perbincangan dapatan kajian tentang bentuk pengajaran guru akan dibentangkan. Perbincangan ini akan dijalankan mengikut dua dapatan utama tentang bentuk pengajaran guru, iaitu (a) bentuk linear pengajaran guru dan (b) pendekatan pengajaran guru.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bentuk Linear Pengajaran Guru

Pada keseluruhannya, bentuk pengajaran guru adalah linear. Dalam pengajaran guru, penyataan dan catatan tajuk karangan disusuli dengan penerangan tentang kehendak karangan, bentuk karangan, dan seterusnya diakhiri dengan perbincangan tentang isi karangan. Keseluruhan kegiatan pengajaran tersebut dilakukan dalam bentuk yang berurutan; langkah demi langkah. Setelah kesemua penerangan dan perbincangan tentang isi diberi, para pelajar diarahkan supaya memulakan penulisan karangan. Penulisan karangan tersebut kemudiannya dikutip dan disemak untuk diberi penilaian.

Pelaksanaan pengajaran yang dijalankan menunjukkan bahawa bentuk pengajaran guru tidak selaras dengan sifat proses mengarang pelajar sebagaimana yang ditunjukkan oleh kebanyakan kajian. Pengajaran guru dalam bentuk langkah demi langkah menunjukkan, proses penulisan karangan yang lurus. Flower dan Hayes (1977, 1980, 1981) dalam pemerhatian mereka terhadap proses mengarang mendapati bahawa kebanyakan penulis sama ada yang berpengalaman atau yang kurang berpengalaman tidak menulis karangan dalam bentuk langkah demi langkah tetapi secara berulangan dan bertindanan. Ketidakselarasan ini mewujudkan konflik antara proses pengajaran guru dengan proses mengarang pelajar. Percanggahan tersebut sudah tentu akan menyulitkan pelajar dalam proses mengarang.

Bentuk pengajaran guru yang linear juga memperlihatkan pemahaman guru yang tidak menepati sifat proses mengarang. Pemahaman sedemikian, sudah tentu tidak memungkinkan guru merancang kegiatan pengajaran yang dapat membimbing dan membantu pelajar melalui proses mengarang. Mengikut Hairston (1982), untuk membolehkan guru mengajar dengan baik, guru terlebih dahulu perlu memahami proses menulis karangan di kalangan pelajar. Bentuk pengajaran guru tersebut tidak menunjukkan pemahaman guru tentang sifat rekursif sesebuah proses mengarang. Hal ini mungkin disebabkan oleh titik rujukan mereka

berkisar pada hasil karangan sebagaimana yang dapat dilihat pada pendekatan pengajaran.

Pendekatan Pengajaran Guru

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa bentuk pengajaran guru lebih memperlihatkan ciri bentuk pengajaran yang berfokus pada hasil mengarang dan tidak pada proses menghasilkan karangan. Penumpuan ini dapat dilihat pada kandungan penerangan guru, bentuk penyemakan, dan penilaian karangan. Dalam penerangan guru, tumpuan diberi kepada aspek luaran seperti maklumat atau perkataan utama yang terkandung dalam tajuk karangan, bentuk karangan yang asas (iaitu sebuah karangan perlu ada pengenalan, isi, dan penutup), dan menyenarai, memilih, dan menyusun isi karangan. Malahan, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar masa pramenulis karangan diberi untuk perbincangan isi karangan. Penerangan tentang kehendak dan bentuk karangan adalah ringkas. Begitu juga dengan arahan yang diberikan kepada pelajar sebelum mereka memulakan karangan. Arahan guru, lazimnya berbentuk peringatan kepada pelajar tentang jumlah perkataan, penulisan tajuk karangan, dan tempoh masa yang diberikan.

Aspek dalaman yang melibatkan proses kognitif tentang kerangka yang dapat memberi kesatuan dalam penulisan keseluruhan karangan tidak diberikan oleh guru. Contohnya, penerangan dan latihan tentang strategi mendapatkan isi karangan, strategi mengenal pasti tujuan penulisan dan jenis khalayak pembaca, strategi memulakan karangan, strategi menyemak dan membentuk perenggan sangat kurang disentuh. Malahan, strategi membentuk dan menyelesaikan masalah retorik (Flower and Hayes 1988) yang merupakan strategi penting yang dapat memberi fokus dan haluan penulisan karangan tidak langsung disebut. Boleh dikatakan, strategi tersebut merupakan satu perkara yang asing bagi kebanyakan pelajar.

Penelitian terhadap kandungan pengajaran yang diberikan kepada pelajar dalam bentuk penerangan menunjukkan bahawa guru hanya membekalkan penulis dengan input isi, sedangkan input prosedural tidak diberi. Dalam perkataan lain, penumpuan pengajaran adalah pada "apa" atau hasil karangan dan bukan pada "bagaimana" atau proses mengarang. Hal yang demikian sekali lagi membawa bentuk pengajaran guru ke belakang berbanding dengan aliran perkembangan pengajaran kemahiran mengarang kini yang lebih memberi fokus pada proses yang dilalui oleh pelajar apabila menulis karangan.

Bentuk pengajaran guru yang berfokuskan isi semata-mata kurang memberikan kesan terhadap pengajaran kemahiran mengarang. Tujuan utama dalam pengajaran kemahiran mengarang ialah untuk membolehkan para pelajar menulis pelbagai jenis karangan tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian dengan berkesan dalam erti kata dapat menyampaikan mesej penulisan kepada pembaca yang dituju (Kementerian Pendidikan Malaysia 1987). Sekiranya, penerangan dan latihan tentang strategi atau prosedur menulis karangan tidak diberikan oleh guru, bagaimanakah pelajar akan dapat menulis karangan dengan berkesan? Bentuk pengajaran guru yang berfokuskan isi menunjukkan seolah-olah pengajaran kemahiran mengarang adalah sama dengan pengajaran mata pelajaran lain seperti Sejarah dan Geografi (Chandrasegaran 1991).

Bentuk penyemakan dan penilaian guru juga, menunjukkan fokus yang sama. Pada keseluruhannya, terdapat dua bentuk penilaian utama yang diberikan oleh guru, iaitu memberi komentar bertulis dan memberi markah atau gred. Penelitian terhadap komentar bertulis menunjukkan bahawa penumpuan perhatian guru lebih tertumpu pada jumlah isi karangan, nahu, dan ejaan serta penggunaan tanda baca. Komentar yang berkait dengan proses mengarang yang melibatkan aspek "bagaimana" dapat membaiki mutu penulisan karangan tidak dicatatkan untuk kegunaan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa penyemakan dan penilaian yang dijalankan lebih bersifat luaran atau pada permukaan, dan tidak bersifat dalaman yang melibatkan perubahan makna (Faigley and Witte 1981). Penilaian dan penyemakan yang dijalankan adalah lebih untuk menyunting, dan bukan untuk menentukan keberkesanan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca. Bentuk penyemakan dan penilaian karangan tersebut boleh disamakan dengan bentuk penilaian yang dibuat untuk peperiksaan.

Pada keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa fokus pengajaran guru dari segi penerangan dan penyemakan serta penilaian yang dilakukan tidak mempertimbang sama ada penulisan karangan dapat menyampaikan maksud atau tujuan kepada pembaca atau tidak.

Sebaliknya, penumpuan pengajaran adalah untuk membolehkan pelajar menghasilkan karangan yang dimuatkan dengan bilangan isi yang cukup dan dipersembahkan dalam ayat yang mempunyai struktur yang baik dari segi nahu, ejaan, dan penggunaan tanda baca yang betul serta mencukupi jumlah patah perkataan, iaitu sebanyak 350 patah perkataan. Dalam perkataan lain, pengajaran kemahiran menulis karangan adalah lebih untuk menyediakan pelajar menulis karangan mengikut kriteria peperiksaan yang telah ditetapkan.

Satu lagi dapatan kajian yang berkait dengan pendekatan pengajaran guru adalah tentang penglibatan guru dalam pengajaran kemahiran mengarang di dalam kelas. Pengajaran guru dalam konteks ini menunjukkan bahawa guru hanya memberi tumpuan kepada pengajaran pada peringkat pramenulis karangan.

Pada peringkat pramenulis karangan, guru memberi masa untuk membuat penerangan dan perbincangan dengan pelajar sebelum mereka mula mengarang.

Pada peringkat semasa dan selepas menulis karangan, guru kurang memberi bimbingan kepada pelajar untuk menulis dan menyiapkan tugasan karangan. Malahan, pada peringkat semasa dan selepas menulis karangan, guru tidak membenarkan para pelajar berkongsi pendapat dan diarahkan supaya menulis secara individu. Hal ini seolah-olah menunjukkan bahawa tugas guru selesai dengan penerangan dan perbincangan yang dilakukan pada peringkat pramenulis karangan. Tugas menulis karangan, iaitu menterjemahkan isi ke dalam bentuk ayat dan perenggan merupakan tugas pelajar secara individu. Bentuk pengajaran ini mewujudkan jurang antara pengajaran pramenulis karangan dengan semasa menulis karangan dan selepas menulis karangan.

Jurang tersebut tidak sepatutnya wujud dalam pengajaran kemahiran mengarang memandangkan kompleksiti proses mengarang yang perlu dilalui oleh pelajar untuk menghasilkan sesebuah karangan. Dengan itu, dalam proses penulisan karangan, bimbingan dan sokongan guru perlu berterusan. Pada peringkat menulis dan selepas menulis karangan, penglibatan guru juga perlu ada untuk membimbing dan membantu pelajar dalam penulisan karangan di dalam kelas. Florio-Ruane dan Lensmire (1989: 89) mengatakan bahawa penglibatan guru dan pelajar yang tinggi adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang kerana, menurut mereka,

"...this means that students will not only have the opportunities to help identify the purposes, topics and audiences for writing, but that the concerns, intentions and meanings can be voiced and help shape the nature of instruction they received."

Kesimpulannya, dalam konteks kajian ini, guru masih mengamalkan bentuk pengajaran kemahiran mengarang yang tradisional. Dalam bentuk pengajaran guru yang linear ini, guru banyak memberi perhatian kepada menghasilkan isi karangan dan membiarkan pelajar menjalankan proses utama mengarang (menterjemahkan isi ke dalam bentuk karangan) secara bersendirian. Ini menggambarkan seolah-olah kemahiran mengarang merupakan suatu kemahiran yang dapat diperoleh secara semula jadi oleh pelajar (Marohaini 1989). Bentuk pengajaran tersebut menghendaki para pelajar melalui proses mengarang tanpa panduan dan tunjuk ajar daripada guru. Oleh itu, tidak menghairankan sekiranya kebanyakan pelajar beranggapan bahawa pembelajaran kemahiran mengarang di sekolah merupakan suatu pengalaman yang membebankan dan membosankan. Seterusnya, beberapa implikasi terhadap latihan guru akan dibincangkan.

Implikasi Kajian terhadap Program Latihan Perguruan

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, beberapa implikasi terhadap latihan guru akan dibincangkan. Perbincangan ini akan bertumpu pada tiga tajuk utama seperti yang berikut : (a) kesedaran tentang sifat proses mengarang ; (b) pendekatan pengajaran, dan (c) peranan guru.

Kesedaran tentang Sifat Proses Mengarang

Pemahaman guru tentang sifat proses mengarang pelajar adalah sangat penting untuk memungkinkan perubahan dalam bentuk pengajaran guru. Dengan itu, langkah yang pertama yang dapat dilaksanakan ialah memberi pengetahuan dan kesedaran kepada bakal guru tentang sifat proses mengarang. Pemahaman guru yang kukuh tentang konsep proses mengarang akan dapat membantu guru membentuk rasional dan pengkonsepan rangka kerja pengajaran yang bersandarkan sifat proses

mengarang. Pemahaman ini boleh diberikan kepada bakal guru melalui kursus yang meliputi tajuk dan isu-isu yang berkaitan dengan ciri kognitif proses mengarang. Kursus ini perlu untuk memperdekat para bakal guru dengan teori dan dapatan kajian tentang proses mengarang pelbagai jenis penulis; penulis berpengalaman dan kurang pengalaman, penulis mahir dan separuh mahir, penulis kanak-kanak dan dewasa serta penulis profesional.

Selain itu, guru juga boleh menjalani bengkel penulisan karangan untuk membantu mereka mengenal pasti bentuk perlakuan dan proses mengarang yang dialami semasa menulis karangan. Melalui bengkel penulisan ini, para guru akan dapat menyedari apa-apa yang berlaku apabila mereka menulis karangan. Dengan kesedaran tersebut, guru akan lebih sensitif terhadap keperluan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang. Perl (1979) berpendapat, dengan pengetahuan dan kesedaran guru terhadap sifat proses mengarang, mereka akan lebih berupaya untuk merancang kegiatan dan melibatkan diri mereka bagi mempertingkat mutu kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar.

Pendekatan Pengajaran

Pendekatan pengajaran kemahiran mengajar karangan dalam program pendidikan guru khususnya, pengajaran kemahiran mengarang dalam Bahasa Melayu harus diteliti untuk membolehkan bakal guru dilatih untuk menukarkan fokus pengajaran mereka daripada penumpuan kepada hasil karangan kepada proses mengarang itu sendiri. Perubahan penumpuan pengajaran kemahiran mengarang tersebut dapat dilakukan dengan membekalkan para bakal guru dengan pelbagai pendekatan (seperti pendekatan proses) dan strategi penulisan karangan (seperti strategi pembentukan dan penyelesaian masalah retorik). Dalam latihan penggunaan pendekatan dan strategi penulisan karangan, para bakal guru bukan sahaja perlu diberi syarahan dan nota tetapi latihan untuk menjalankannya di dalam kelas. Pelaksanaan latihan tersebut memerlukan para pendidik membantu bakal guru menterjemahkan teori, pendekatan, dan strategi tersebut ke dalam bentuk amalan pengajaran yang dapat digunakan dalam situasi kelas.

Peranan Guru

Dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang, guru dan pelajar perlu berkerjasama dan memainkan peranan yang sama penting (White and Arndt 1991). Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru bukan sahaja berperanan sebagai pengajar tetapi juga sebagai pembimbing dan fasilitator bagi mewujudkan persekitaran kelas mengarang yang kondusif. Justeru, dalam pengajaran kemahiran mengarang, guru bukan sahaja perlu memberi penerangan tentang sesuatu aspek kemahiran mengarang tetapi juga memberi tunjuk ajar dalam konteks penulisan karangan pada bila-bila masa sahaja diperlukan oleh pelajar. Selain itu, guru sebagai fasilitator perlu dapat memudahkan proses penulisan karangan yang dilalui pelajar di dalam kelas dengan memberi bantuan yang di perlukan semasa menulis. Dengan itu, program pendidikan guru, khususnya dalam penyediaan bakal guru perlu mengambil kira ketiga-tiga peranan tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang.

RUJUKAN

Bogdan, R.C. and S.K. Biklen. 1982. *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods.* Boston: Allyn & Bacon.

Chandrasegaran, A. 1991. The composing processes of university student writers. Doctoral dissertation, National University of Singapore.

Emig, J. 1971. The composing process of twelfth graders (Research report no. 13). Urbana, Ilinois: NCTE.

Faigley, L. and S. Witte. 1981. Analyzing revision. *College Composition and Communication* **32**: 400-413.

Florio-Ruance, S. and T. Lensmire. 1989. The role of instruction in learning to write. In *Advances in Research in Teaching*, ed. J.E. Brophy, Vol. I, p. 73-104 Greenwich, CT: JAI Press.

Flower, L.S. and J.R. Hayes. 1980. The dynamics of composing: making plans and juggling constraints. In *Cognitive Processes in Writing*, ed. L.W. Gregg and E.R. Steinberg, p. 31-50. Hillsdale NJ: Lawrence Erlbaum.

Flower, L.S. and J.R. Hayes. 1981. The pregnant pause: An inquiry into the nature of planning. *Research in the Teaching of English* **19**: 233-240.

FLOWER, L.S. and J.R. HAYES. 1988. A cognitive process theory of writing. In *The Writing Teacher's Sourcebook*, ed. G. Tate and E.P.J. Corbett, 2nd edn. p.92-102. New York: Oxford University Press.

GRAVES, D.H. 1981. A case study observing the development of primary children's composing, spelling and motor behavior during the writing process. (Report no. G-78-0174).

HAIRSTON, M. 1982. The winds of change: Thomas Kuhn and the revolution in the teaching of writing. *College Composition and Communication* **33**: 76-88.

JASBIR KAUR D/O MOHAN SINGH. 1994. A case study of moderation meeting to evaluate writing at ITM Cawangan Johor. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA. 1987. Sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah: Bahasa Melayu (KBSR dan KBSM) Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu, Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KOH SOO LING. 1993. A case study of prewriting in an ESL composition class at Mara Institute of Technology. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

LEE MAY ENG. 1989. An exploratory investigation of the composing processes of selected skilled and unskilled ESL graduates. Disertasi sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

LINCOLN, Y.S. and E.G. GUBA. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Newbury Park, CA: Sage Publication.

MAROHAINI YUSOFF. 1989. Aspek-aspek dalam pengajaran kemahiran menulis di peringkat menengah. Dalam *Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia* ed. Koh Boh Boon. p.179-192. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MARSHALL, C. and G.B. ROSSMAN. 1989. *Designing Qualitative Research*. Newbury Park, CA: Sage.

MERRIAM, S.B. 1988. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. CA: Josey-Bass Inc.

MILES, M.B. and A.M. HUBERMAN. 1984. *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hills, CA: Sage.

MISCHEL, T. 1974. A case study of a twelth grader writer. *Research in the Teaching of English* 8: 303-314.

NARAYANAN KUNCI RAMAN. 1991. Pengajaran penulisan karangan berasaskan pendekatan proses di sebuah sekolah menengah. Disertasi sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

NORRIZAN RAZALI. 1992. Learning ESL in Malaysia: A study of reinforcing and suppressing factors in two communities. Unpublished doctoral dissertation, University of Pennsylvalia, U.S.A.

PATTON, M.Q. 1980. *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage.

PERL, S. 1979. The composing process of unskilled college writers. *Research in the Teaching of English* **13**: 317-336.

RAZALI ABON. 1994. Amalan-amalan penyeliaan pengajaran dalam program praktikum pendidikan guru prakhidmat. Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ROHMAN, D.G. and A.O. WLECKE. 1964. Pre-writing: The construction and application models for concept formation in writing process. *College Composition and Communication* **16**:106-112.

SPRADLEY, J.P. 1980. *Participant Observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

STALLARD, C.K. 1974. An analysis of the writing behavior of good student writers. *Research in the Study of English* **8(2)**: 206-219.

VAN MAANEN, J. 1983. *Qualitative Methodology*. Beverly Hills, CA: Sage.

WHITE, R. and V. ARNDT. 1991. *Process Writing*. London: Longman.

YAP KIM FATT. 1991. Kesan sambutan interaktif terhadap penulisan karangan pelajar-pelajar tingkatan empat. Disertasi sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

(Diterima 27 April 1995)